

**Agong Berangkat Ke Majlis Bacaan Yasin Dan Doa Selamat Sempena Hari Keputeraan Bernama  
31 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah berangkat menghadiri majlis bacaan Yasin dan doa selamat sempena Hari Keputeraan baginda di Masjid Negara di sini Khamis malam.

Turut berangkat Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah.

Keberangkatan tiba Seri Paduka berdua pada pukul 7.20 malam disambut Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Majlis bacaan Yasin dan tahlil yang dipimpin oleh Imam Besar Masjid Negara Tan Sri Shaikh Ismail Muhammad diadakan selepas solat Maghrib.

Majlis itu turut dihadiri kira-kira 3,000 umat Islam.

Tuanku Abdul Halim, 84, yang dilantik buat kali kedua sebagai Yang di-Pertuan Agong, ditabalkan pada 11 April lepas.

Baginda pertama kali ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong pada 1970 semasa berusia 42 tahun.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=670175>